



Medical Insurance

Underwritten by:



Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)
Formerly known as AmGeneral Insurance Berhad
Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

To find out more, please visit UOB.my/banca or contact the 24-hour **UOB Contact Centre** at +6 03-26128 121.

Untuk maklumat lanjut, sila layari UOB.my/banca atau hubungi **Pusat Hubungan UOB** 24 jam di +6 03-26128 121.

欲知更多详情，可浏览我们的网站UOB.my/banca 或拨打24小时的**UOB联络中心** +6 03-26128 121。

A PIDM member / Ahli PIDM / PIDM成员

The benefit(s) payable under this eligible policy is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Liberty General Insurance Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

PIDM保障合格保险保单/产品下应支付的保险利益至保障限额为止。请参阅PIDM的保险及伊斯兰保险利益保障制度的小册子或联络 Liberty General Insurance Berhad 或 PIDM (请浏览www.pidm.gov.my)。

Ideal Care

Perbelanjaan perubatan sentiasa merupakan isu yang membimbangkan dalam kehidupan. Implikasi perbelanjaan perubatan mungkin menjejaskan gaya hidup dan meluputkan simpanan anda. Kini anda tidak perlu risau.

Memperkenalkan Ideal Care - satu polisi indemniti - meliputi kos perbelanjaan perubatan untuk kes kemalangan atau penyakit. Dengan Ideal Care anda boleh menjalani penyembuhan tanpa bimbang tentang kos perubatan.

Manfaat Utama

- Proses kemasukan ke wad yang mudah - tanpa memerlukan bayaran tunai 24 jam di semua hospital panel
- Liputan yang menyeluruh
- Kadar premium yang rendah - daripada serendah RM0.77 sehari
- Liputan perubatan yang tinggi - had seumur hidup sehingga RM360,000
- Pembaharuan dijamin - Pembaharuan polisi dijamin selepas lengkapnya polisi 2 tahun berturut-turut, asalkan tiada sebarang tuntutan pada 2 tahun yang lalu.
- Rangkaian hospital panel yang luas di seluruh Malaysia
- Manfaat kematian akibat kemalangan sehingga RM15,000
- Penjimatan dan diskaun dengan pembaharuan polisi

2 tahun berturut-turut sebelum pembaharuan	10% Diskaun bagi premium standard
--	-----------------------------------

3 tahun berturut-turut sebelum pembaharuan	15% Diskaun bagi premium standard
--	-----------------------------------

4 tahun berturut-turut sebelum pembaharuan	20% Diskaun bagi premium standard
--	-----------------------------------

Contoh:

Polisi	Premium (RM)	Diskaun
Tahun 1	431.42	NIL
Tahun 2	431.42	NIL
Tahun 3	388.28	10%
Tahun 4	366.71	15%
Tahun 5	345.14	20%

* Premium di atas adalah berdasarkan kepada "Pelanggan 1", umur di antara "31 tahun - 35 tahun".

Diskaun Khas untuk Keluarga

Orang yang diinsuranskan + pasangan	5% Diskaun bagi premium standard
Orang yang diinsuranskan + anak-anak	5% Diskaun bagi premium standard
Orang yang diinsuranskan + pasangan + anak-anak	10% Diskaun bagi premium standard

Jadual Manfaat

Pelanggan	Pelanggan 1 (RM)	Pelanggan 2 (RM)	Pelanggan 3 (RM)	Pelanggan 4 (RM)
1) Manfaat Hospital				
MAKSIMUM SETIAP SEORANG BAGI SETIAP KETIDAKUPAYAAN				
Sewa Bilik Harian (Maksimum 150 hari)	100	150	250	300
Unit Rawatan Rapi (Maksimum 75 hari)	SEPERTI YANG DICAJ			
Bekalan dan Perkhidmatan Hospital (termasuk Dewan Bedah)	SEPERTI YANG DICAJ			
2) Manfaat Pembedahan				
Perkhidmatan Diagnostik Pra-Kemasukan (dalam jangka masa 31 hari sebelum kemasukan hospital)	SEPERTI YANG DICAJ			
Perundingan Pakar Pra-Pembedahan (dalam jangka masa 31 hari sebelum kemasukan hospital)	SEPERTI YANG DICAJ			
Yuran Pembedahan dan Bius	SEPERTI YANG DICAJ			
Rawatan Pasca Hospitalisasi (dalam jangka masa 31 hari sebelum keluar hospital)	SEPERTI YANG DICAJ			
Rawatan Fisioterapi (dalam jangka masa 31 hari sebelum keluar hospital)	SEPERTI YANG DICAJ			
MAKSIMUM SETIAP SEORANG BAGI SETIAP KETIDAKUPAYAAN	15,000	20,000	30,000	40,000
3) Manfaat Perubatan (Bukan Pembedahan)				
Perkhidmatan Diagnostik Pra-Hospital (dalam jangka masa 31 hari sebelum kemasukan hospital)	SEPERTI YANG DICAJ			
Perundingan Pakar Pra-Hospitalisasi (dalam jangka masa 31 hari sebelum kemasukan hospital)	SEPERTI YANG DICAJ			
Lawatan Harian Doktor Semasa Dalam Hospital	SEPERTI YANG DICAJ			
Rawatan Pasca Hospitalisasi (dalam jangka masa 31 hari selepas kemasukan hospital)	SEPERTI YANG DICAJ			
MAKSIMUM SETIAP SEORANG BAGI SETIAP KETIDAKUPAYAAN	15,000	20,000	30,000	40,000
4) Yuran Ambulans				
SEPERTI YANG DICAJ				
5) Manfaat Pesakit Luar / Tambahan				
Rawatan Kecemasan Kemalangan	SEPERTI YANG DICAJ			
Rawatan Kanser Pesakit Luar (Had Tahunan)	15,000	25,000	35,000	45,000
Rawatan Dialisis Buah Pinggang (Had Tahunan)	15,000	25,000	35,000	45,000
Perbelanjaan Tempat Tinggal (Elau Penjaga)	50	60	80	100
Yuran Laporan Perubatan	80	80	80	80
Penjagaan Di Rumah (dalam jangka masa 31 hari selepas kemasukan hospital)	100	125	150	175

Pelan	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)
6) Pemindahan Organ (Sekali Seumur Hidup)	20,000	30,000	40,000	50,000
7) Manfaat Pendapatan Hospital Kerajaan				
Elaun Tunai Harian	50	60	80	100
8) Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	5,000	7,500	12,500	15,000
9) Had Tahunan Keseluruhan	40,000	60,000	100,000	120,000
10) Had Seumur Hidup Keseluruhan	120,000	180,000	300,000	360,000

Kadar Premium

Kadar Premium Tahunan (Pada Ulang Tahun Akan Datang)

Umur	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)
30 hari - 10 tahun (Kanak-Kanak)	306.00	361.00	459.00	524.00
11 tahun - 18 tahun	265.00	312.00	396.00	452.00
19 tahun - 25 tahun	326.00	385.00	490.00	560.00
26 tahun - 30 tahun	367.00	434.00	553.00	632.00
31 tahun - 35 tahun	407.00	482.00	615.00	704.00
36 tahun - 40 tahun	468.00	555.00	709.00	812.00
41 tahun - 45 tahun	529.00	628.00	803.00	920.00
46 tahun - 50 tahun	631.00	749.00	959.00	1,099.00
51 tahun - 55 tahun	793.00	943.00	1,210.00	1,387.00
56 tahun - 60 tahun	915.00	1,088.00	1,397.00	1,602.00
61 tahun - 65 tahun (Pembaharuan sahaja)	1,240.00	1,477.00	1,898.00	2,177.00
66 tahun - 70 tahun (Pembaharuan sahaja)	1,646.00	1,962.00	2,523.00	2,896.00

* Premium di atas tidak termasuk RM10 duti setem

Apakah yang dikecualikan daripada polisi?

Kontrak ini tidak meliputi sebarang rawatan kemasukan hospital, pembedahan atau caj-caj akibat, secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu kejadian berikut:

- a) Penyakit sedia ada.
- b) Penyakit khusus yang wujud semasa 120 hari pertama bagi perlindungan berterusan pada tarikh perlindungan polisi.
- c) Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam jangka masa 30 hari pertama perlindungan Orang Yang Diinsuranskan atau tarikh kemasukan semula, yang mana terkemudian melainkan kecederaan kemalangan.
- d) Pembedahan plastik/kosmetik, bersunat, pemeriksaan mata dan cermin mata serta pembiasan atau pembedahan pembedahan bagi rabun jauh (Radial Keratotomy atau Lasik) dan penggunaan atau pembelian anggota atau alat palsu luaran seperti tangan atau kaki palsu, alat bantuan pendengaran, perentak jantung yang ditanam dalam tubuh dan preskripsinya.
- e) Keadaan pergigian termasuk rawatan gigi atau pembedahan oral melainkan jika perlu akibat kecederaan kemalangan kepada gigi semula jadi yang berlaku semasa Tempoh Insurans.
- f) Jururawat peribadi, penjagaan rehat atau tempat rawatan, dadah yang menyalahi undang-undang, mabuk, pemandulan, penyakit kelamin dan akibatnya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan) atau ARC (Komplikasi Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, dan sebarang penyakit berjangkit yang perlu diasingkan menurut undang-undang.
- g) Sebarang rawatan atau pembedahan bagi ketidak normalan adat kecacatan sejak lahir termasuk keadaan kerana keturunan.
- h) Mengandung, kelahiran (termasuk melahirkan secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan serta penjagaan dan pembedahan pra atau pasca natal, kaedah pencegah hamil secara mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan kemandulan. Disfungsi erektil dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pemandulan.
- i) Kemasukan hospital khusus bagi tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan arn, bukan disebabkan oleh rawatan atau diagnosis bagi ketidakupayaan yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak diperlukan dari segi perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, perubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Doktor, dan rawatan khusus bagi mengurangkan atau menambah berat badan.
- j) Bunuh diri, cubaan untuk membunuh diri, atau kecederaan diri yang disengajakan sama ada semasa waras atau tidak waras.
- k) Peperangan atau sebarang tindakan peperangan, sama ada diumumkan atau tidak diumumkan, tugas aktif dalam angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam tunjuk perasaan, huru-hara dan rusuhan awam atau rampasan kuasa.
- l) Pancaran ion atau pencemaran oleh bahan radio aktif daripada mana-mana bahan nuklear atau bahan buangan nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear.
- m) Perbelanjaan bagi derma sebarang organ tubuh oleh Orang Yang Diinsuranskan dan kos mendapatkan organ termasuk semua kos yang dikenakan oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya.
- n) Siasatan atau rawatan masalah tidur dan berdengkur, penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kiropraktik, akupunktur, akutekunan, refleksologi, penyusunan tulang, rawatan herba,urut atau terapi aroma atau lain-lain rawatan alternatif.
- o) Penjagaan atau rawatan yang mana bayaran tidak diperlukan atau sehingga jumlah yang perlu dibayar oleh mana-mana insurans atau perlindungan yang melindungi Orang Yang Diinsuranskan dan Ketidakupayaan yang timbul daripada tugas pekerjaan atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja.
- p) Psikotik, masalah mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi dan psikosomatik).
- q) Kos/perbelanjaan perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan perubatan seperti televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, radio atau kemudahan seumpamanya, pek kemasukan dan lain-lain barangan bukan perubatan yang tidak layak.
- r) Penyakit atau kecederaan akibat sebarang perlumbaan (melainkan lumba lari), sukan merbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun payung, ski air, aktiviti bawah air yang memerlukan peralatan pernafasan, sukan musim sejuk, sukan professional dan aktiviti - aktiviti haram.
- s) Penerbangan peribadi selain dari menjadi penumpang berbayar dalam mana-mana penerbangan berjadual komersil yang dilesenkan untuk membawa penumpang di laluan yang telah ditetapkan.
- t) Perbelanjaan bagi pertukaran jantung.

Soalan lazim

S: Siapakah yang layak menyertai?

J: Sesiapa sahaja yang bermastautin di Malaysia berumur antara 30 hari sehingga 60 tahun. Ini termasuk pasangan, anak yang belum berkahwin dan belum bekerja berumur antara 30 hari hingga 19 tahun atau 23 tahun sekiranya masih menuntut sepenuh masa. Perrnohonan untuk menyertakan orang-orang yang ditanggung mesti dibuat ketika penyertaan atau ketika pembaharuan dibuat sahaja (selain daripada anak yang baru dilahirkan dibawah umur 2 bulan).

S: Adakah liputannya merangkumi seluruh dunia?

J: Ya, Ideal Care menyediakan perlindungan seluruh dunia dan anda diliputi sehingga 90 hari daripada hari anda meninggalkan Malaysia. Faedah-faedah yang dibayar tertakluk kepada caj-caj yang biasa dan munasabah bergantung pada kadar kos bagi rawatan yang sama di hospital/doktor di Malaysia. Ideal Care menyediakan liputan seluruh dunia, tertakluk kepada peruntukan rawatan yang terkandung dalam polisi. Sekiranya semasa anda berada di luar negeri dan disebabkan rawatan kecemasan atau jika rawatan tiada di Malaysia, sebarang kos rawatan yang dilindungi akan dipenuhi sehingga kos rawatan lazim di Malaysia. Ini tidak termasuk kos pengangkutan.

S: Bolehkah saya mendapatkan rawatan di hospital bukan panel?

J: Boleh. Bagaimanapun, pelanggan Ideal Care perlu membuat bayaran dahulu sebelum membuat tuntutan kemudiannya berdasarkan caj lazim dan berpatutan.

S: Apakah "Tempoh Menunggu"?

J: "Tempoh Menunggu" bermaksud sebarang tuntutan yang dibuat dalam tempoh 30 hari daripada tempoh polisi berkuatkuasa tidak diberikan liputan kecuali diakibatkan oleh kemalangan. Tempoh menunggu ini bagaimanapun tidak tertakluk dalam kes pembaharuan polisi.

S: Bolehkah saya mempertingkatkan pelan saya?

J: Ya, boleh. Bagaimanapun sebarang permohonan untuk mempertingkatkan pelan anda hanya boleh dibuat semasa pembaharuan tertakluk kepada sejarah tuntutan anda.

S: Siapakah yang perlu saya hubungi sekiranya saya dimasukkan ke hospital?

J: Anda hanya perlu menghubungi Liberty General Insurance Berhad di talian 1 300 88 8990

S: Adakah premium saya akan meningkat?

J: Ya, kadar premium anda akan meningkat selari dengan umur dan jenis pelan anda.

S: Apakah "Tempoh Tenang" ?

J: Anda akan diberikan "Tempoh Tenang" selama 15 hari daripada tarikh anda menerima polisi. Kami akan mengembalikan premium anda secara penuh, ditolak potongan bagi kos perubatan yang ditanggung oleh Liberty Insurance Berhad (jika ada) bagi pengeluaran polisi.

Important Notes:

The plan contained herein is underwritten by **Liberty General Insurance Berhad** 197801007153 (44191-P) formerly known as AmGeneral Insurance Berhad. All claims and liabilities arising from the policies should be made with the company.

In the event of a conflict between the English version of these Terms and Conditions and those translated into Bahasa Malaysia and Chinese, the English version shall prevail.

* Commission paid to the Insurance agent - 15%

Nota Penting:

Pelan yang terkandung di sini disediakan oleh **Liberty General Insurance Berhad** 197801007153 (44191-P) dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad. Sebarang tuntutan dan liabiliti berbangkit daripada polisi ini haruslah dirujuk kepada syarikat tersebut.

Jika terdapat percanggahan terma-terma dan syarat-syarat di Bahasa Inggeris antara dengan versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Mandarin, versi Bahasa Inggeris adalah muktamad.

* Komisen yang dibayar kepada agen insurans - 15%

重要提示:

这项计划是由**Liberty General Insurance Berhad** 197801007153 (44191-P) 承保。前称 AmGeneral Insurance Berhad保单内的所有声明及条款由本公司拥有。

若有关条款的英文版本和马来文及中文翻译版本出现差异, 将以英文版本为准。

*付给保险代理员佣金为15%